

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 74
RUANGAN : VIRAL DI FB

HKL nafi beri roti berkulat kepada pesakit

➔ Pemeriksaan dapati makanan belum luput tarikh, tempokan kuning adalah yis tidak diadun rata

Oleh Fahmy Azril Rosli
 fahmy.azril@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Hospital Kuala Lumpur (HKL) menafikan pihaknya memberikan roti berkulat kepada seorang pesakit seperti yang viral di Facebook.

Pengarah HKL, Datuk Dr Zainah Mohd Zain, berkata pemeriksaan pihak wad mendapati roti berkenaan masih belum luput tarikh, elok dibungkus dan tidak berkulat sebaik sahaja aduan diterima daripada waris pesakit berkenaan.

"Penjelasan lanjut juga sudah diberikan kepada waris berkenaan bahawa tempokan kuning pada roti itu adalah ibu roti (yis) yang tidak diadun rata bancuhannya.

Diberi roti lain

"Pesakit diberikan roti lain sebagai hidangan bagi menggantikan roti berkenaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sebelum ini, beberapa gambar

pesakit sedang memegang roti berkulat yang dihidangkan di Wad NW11 Ortopedik bertarikh 8 Januari lalu tersebar di Facebook.

Dr Zainah berkata, Jabatan Dietetik dan Sajian HKL sudah menjalankan siasatan lanjut termasuk membuat pemeriksaan bekalan roti di wad dan stok roti di jabatan berkenaan.

Lawat pembekal

Selain itu, katanya, lawatan mengejut dilakukan Jabatan Dietetik dan Sajian bersama Unit Kesihatan Awam HKL ke premis pembekal roti.

"Ya bertujuan memastikan pengeluaran kualiti produk termasuk kebersihan kawasan pemprosesan makanan, tempat simpanan dan kenderaan menepati standard.

"Sehubungan itu, pemantauan dari semasa ke semasa sentiasa dijalankan Jabatan Dietetik dan Sajian HKL bagi memastikan kualiti makanan yang dihidangkan sentiasa berada dalam keadaan baik serta selamat untuk semua pesakit," katanya.

← viral roti kulat



SHARE POST INI SAHABAT2

8.01.2017 pada Pukul 1530 Saya bersama rakan Saya pergi ke hospital Kuala Lumpur untuk melawat sahabat Saya di tingkat 2 wad 1(orthopedik)..seorang pebantu jururawat bahagian dapur mengantar makanan petang(roti Dan Teh O) kepada pesakit yg berada dlm wad tu.roti yg pakkik tu dapat dah berbintik ... Continue reading



140

18 comments 135 shares

Hospital Kuala Lumpur menafikan pihaknya memberikan roti berkulat kepada seorang pesakit seperti viral di Facebook.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

HKL nafi hidang roti berkulat

KUALA LUMPUR - Hospital Kuala Lumpur (HKL) menafikan dakwaan pihaknya menghidangkan roti berkulat kepada pesakit di wad ortopedik hospital itu seperti yang diviralkan di laman sosial, Ahad lalu.

HKL dalam satu kenyataan di sini semalam berkata, gambar pesakit sedang memegang roti yang berkulat dalam Facebook itu adalah tidak benar.

Menurut kenyataan itu, sebaik menerima aduan daripada waris pesakit, pihak wad terus membuat pemeriksaan dan mendapati, roti berkenaan masih tidak luput tarikhnya, masih

berbungkus dan tidak berkulat.

“Penjelasan lanjut telah diberikan bahawa tompokan kuning pada roti adalah ibu roti (yis) yang tidak didun rata bancuhannya.

“Pesakit juga telah diberikan roti lain sebagai hidangan bagi menggantikan roti itu,” kata kenyataan.

HKL menjelaskan, pihak hospital telah mengarah Jabatan Dietetik dan Sajian HKL untuk menjalankan siasatan lanjut berkenaan insiden tersebut termasuk membuat pemeriksaan bekalan roti di wad dan juga stok roti di jabatan berkenaan. - Bernama



GAMBAR seorang pesakit (kanan) menunjukkan roti yang didakwa berkulat di HKL menjadi viral di Facebook baru-baru ini. Tompokan kuning pada gambar roti (kiri) sebenarnya adalah yis.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NASIONAL

HKL nafi hidang *roti berkulat*

KUALA LUMPUR

- Hospital Kuala Lumpur (HKL) menafikan dakwaan ia menghidangkan roti berkulat kepada pesakit di wad ortopedik hospital berkenaan seperti yang ditularkan di laman sosial, Ahad lalu.

HKL dalam kenyataannya berkata, gambar pesakit sedang memegang roti berkulat di Facebook itu tidak benar.


Menurut kenyataan itu, sebak menerima aduan daripada waris pesakit bahawa roti tersebut berkulat, pihak wad terus membuat pemeriksaan dan mendapati, roti berkenaan masih tidak luput tarikhnya, masih berbungkus dan tidak berkulat.

"Penjelasan lanjut telah diberikan kepada pihak waris, bahawa tompokan kuning pada roti adalah ibu roti (yis) yang tidak diadun rata bancuhannya.

"Pesakit juga telah diberikan roti lain sebagai hidangan menggantikan roti tersebut," menurut kenyataan itu.

HKL menjelaskan, pihak hospital telah mengarah Jabatan Dietetik dan Sajian HKL untuk menjalankan siasatan lanjut berkenaan insiden tersebut termasuk membuat pemeriksaan bekalan roti di wad dan juga stok roti di jabatan berkenaan. - *Bemana*

Pesakit juga telah diberikan roti lain sebagai hidangan menggantikan roti tersebut."



Gambar roti berkulat dihidangkan HKL yang tular di media sosial pada Ahad lalu.